

23 FEB 1997

Samy-Peruntukan

KERAJAAN TAMBAH PERUNTUKAN BIAYAI KAJIAN EIA LEBUH RAYA TANAH TINGGI

MELAKA, 23 Feb (Bernama) -- Kerajaan menambah peruntukan bagi membiayai kajian Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) cadangan projek lebuhraya menghubungkan Genting Highlands, Bukit Fraser dan Cameron Highlands daripada RM1.5 juta kepada RM3.5 juta.

Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu berkata penambahan itu membuktikan kerajaan serius dalam memastikan kerosakan alam sekitar adalah pada tahap minimum di kawasan terbabit.

"Kerajaan sentiasa memandang serius terhadap semua projek yang akan dijalankan bagi memastikan kerosakan alam sekitar di tahap yang paling minimum," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan Majlis Bell Belia Tamil Malaysia di Ayer Keroh di sini.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menjelaskan dengan tepat pendirian kerajaan mengenai projek itu.

"Kerajaan tidak akan mengabaikan usaha memelihara alam sekitar dalam melaksanakan projek itu yang juga bertujuan membolehkan rakyat menikmati keindahan dan udara sejuk tanah tinggi," kata Samy Vellu.

Beliau berkata adalah amalan biasa bagi setiap projek pembangunan yang akan dilaksanakan kerajaan terutama melibatkan kawasan hutan dan tanah tinggi turut mengambil kira terhadap kesan alam sekitar.

"Kerajaan sanggup membelanjakan sejumlah wang yang banyak bagi memastikan projek pembangunan berkenaan tidak menjejaskan teruk alam sekitar ... kita tidak mahu masalah kecil menyebabkan projek pembangunan dibatalkan," katanya.

Samy Vellu berkata kementerian menerima banyak cadangan daripada syarikat swasta untuk menyertai projek Lebuhraya Pesisiran Pantai dari Banting di Selangor ke Gelang Patah di Johor.

Menurutnya lebuhraya yang turut merentasi Morib (Selangor), Port Dickson (Negeri Sembilan) dan Melaka kini masih diperingkat kajian oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri.

"EPU sedang menjalankan siasatan terhadap setiap permohonan itu bagi memastikan syarikat-syarikat berkenaan mempunyai sumber kewangan dan pengalaman yang menepati syarat kelayakan," katanya.

Beliau berkata pemilihan syarikat bagi menjalankan projek itu dijangka akan dibuat dalam masa tiga bulan lagi.

Semasa berucap, Samy Vellu mahu pertumbuhan belia India berkembang seiring dengan pembangunan negara yang kini memerlukan kepakaran di bidang sains dan teknologi dan bukan bekerja sebagai penoreh getah atau bekerja di ladang.

Yang turut hadir Timbalan Menteri Pengangkutan, yang juga Presiden Belia 4B Malaysia dan Presiden Perhimpunan Belia Sedunia (WAY), Datuk Mohd Ali Rustam serta Pengerusi MIC negeri, R. Raghavan.

-- BERNAMA

MYD AHH